

09/09/1997

Denda jika niagakan syarikat RM2

KUALA LUMPUR, Isnin - Akta Syarikat 1956 akan dipinda bagi membolehkan tindakan diambil ke atas mereka yang menubuhkan syarikat dengan modal berbayar RM2 bagi tujuan diniagakan semula.

Antara cadangan dalam pindaan itu ialah mengenakan denda atau levi tertentu.

Antaranya, ialah mana-mana syarikat yang didapati tidak berfungsi selama setahun boleh dikenakan denda RM10,000 dan tidak berfungsi selama empat tahun, boleh didenda sehingga RM20,000.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata cadangan yang kini diteliti oleh Pendaftar Syarikat (ROC) dan Jabatan Peguam Negara itu, mungkin dapat dibentangkan di Parlimen bulan depan.

Menurutnya, langkah itu perlu kerana pemeriksaan ROC baru-baru ini mendapati kira-kira 100,000 syarikat terbabit tidak berfungsi dan tidak mempunyai lembaga pengarah.

Syarikat terbabit ditubuhkan dengan pelbagai nama dan sebahagian besar daripadanya berkaitan projek mega kerajaan seperti Koridor Raya Multimedia, Siberjaya dan Putrajaya.

Ia turut diiklankan di akhbar-akhbar tempatan dengan nama Syarikat Segera untuk dijual kepada mereka yang berminat pada harga sehingga RM100,000 bergantung kepada jumlah modal berbayarnya.

Menurut Megat Junid, kerajaan sendiri ketika hendak menggunakan perkataan Siberjaya satu ketika dulu menghadapi masalah kerana sudah ada syarikat yang mendaftar atas nama siber.

"Mereka menggunakan nama-nama itu semata-mata untuk menjualnya kepada sesiapa yang hendak membuka syarikat dalam bidang berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan kementeriannya anjuran Pejabat Pendaftaran Syarikat, di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu mendapati terlalu banyak syarikat seperti itu didaftarkan tetapi tidak berfungsi langsung.

Sehubungan itu, kata Megat Junid, Kabinet mengarahkan ROC mengenal pasti jenis tindakan sesuai terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

(END)